


WMM

WANITA METRO



PELENGKAP RUMAH TANGGA

Pasangan dikurniakan bayi kembar 3 selepas enam tahun tunggu zuriat

FOKUS

Oleh **Muhamaad Razis Ismail**
razis@mediaprima.com.my

Enam tahun berkahwin bukanlah satu tempoh singkat terutama bagi mereka yang menanti kehadiran cahaya mata sebagai pelengkap kebahagiaan kehidupan berumah tangga.

Berkat kesabaran dan usaha, Norikma Abd Kader, 33, dan Sharul Affendy A Karim, 32, dikurniakan tiga anak kembar pada 31 Januari lalu.

Kehadiran dua

anak lelaki dan seorang perempuan yang masing-masing dinamakan Haqq, Hudd dan Hawa adalah anugerah tidak ternilai sekali gus menjadikan kehidupan mereka lebih bermakna.


Norikma berkata, kesibukan dia dan suami bekerja menyebabkan mereka tidak terlalu tertekan memikirkan berkenaan zuriat biarpun usia perkahwinan sudah mencecah enam tahun.

“Bagaimanapun segalanya berubah, ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), apabila kami mempunyai banyak masa di rumah dan atas

nasihat sahabat, Nor Raziela Ismail, kami mula berfikir berkenaan anak.

“Selepas berbincang, kami bersetuju membuat pemeriksaan dan pakar mendapati jalan terbaik untuk hamil adalah melalui proses rawatan persenyawaan in-vitro (IVF).

“Pakar menasihatkan saya mengambil langkah demikian segera daripada membazir masa dengan mencuba kaedah alternatif lain sementara usia masih muda,” katanya ketika ditemui di kediamannya di Ara Sendayan, Negeri Sembilan baru-baru ini.



MEMILIKI tiga anak kembar menuntut kesabaran dan komitmen yang tinggi.